

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**SOALAN**

**PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [ PETALING JAYA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan beberapa banduan akhir telah dibebaskan selepas menerima pengampunan oleh YDPA, Sultan ataupun Yang Di-Pertua Negeri dari tahun 2016 hingga 2021, berapa tahun banduan tersebut ditahan sebelum diberikan pengampunan dan apa jenis jenayah yang mereka dijatuhkan hukuman mati.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2016 sehingga 1 September 2021, terdapat seramai 85 orang banduan yang telah diberikan peringangan hukuman mati. Terdapat seramai 47 orang banduan daripadanya telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] iaitu bagi kesalahan pengedaran dadah. Manakala seramai 22 orang banduan pula telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan membunuh. Di bawah seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] pula terdapat seramai 2 orang banduan yang telah diberikan peringangan hukuman.
2. Banduan-banduan berkenaan telah berada di penjara sebelum diberikan peringangan hukuman sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun sehingga yang paling lama iaitu selama 12 tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
(SIMPANG RENGGAM)**

**SOALAN**

**DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM)** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini proses akreditasi kelulusan oleh MQA terhadap program-program yang bermasalah dan tidak diiktiraf di Kolej Vokasional (KV) yang pernah dimulakan pada tahun 2019 dahulu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 606 program diploma meliputi bidang teknologi dan bukan teknologi ditawarkan di kolej vokasional (KV) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kesemua program diploma tersebut telah mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Bagi bidang teknologi, program dinilai dan diakreditasi oleh MBOT manakala bidang bukan teknologi pula dinilai dan diakreditasi oleh MQA.

Sehingga kini, sebanyak 340 program diploma telah mendapat akreditasi penuh, iaitu 226 program bidang teknologi oleh MBOT dan 114 program bidang bukan teknologi oleh MQA. Sementara itu, sebanyak 95 program diploma sedang menunggu keputusan akreditasi penuh yang dijangka akan diperolehi pada bulan Disember 2021. Manakala sebanyak 171 program diploma pula sedang menunggu tarikh lawatan akreditasi penuh oleh MBOT dan MQA.

KPM komited dalam memastikan semua program di KV mendapat akreditasi penuh dan pemantauan berterusan dilaksanakan bagi menjamin kualiti program mematuhi standard akreditasi MBOT dan MQA.